



PENDEKATAN ISLAM DALAM RAWATAN DAN PEMULIHAN DADAH (NARKOBA)

Muhammad Khairi Mahyuddin

¹ Fakulti Kepemimpinan dan Pengurusan, Universitas Sains Islam Malaysia

*Corresponding author: muhmmadkhairi77@gmail.com

Received 18 March; Accepted 21 April 2018

Available online 2 August 2018

ABSTRACT

Drug abuse is a problem that causes addiction, health damage and social problems. It is a disease that can be treated and restored. In Islam every disease has its method and medicine. In the recovery of addiction and drug abuse. The Islamic approach is able to restore individuals from drugs. This writing explains the Islamic approach according to the Qur'an, the hadiths and the opinions of the Muslim muktabar. The outcome of the Islamic approach is comprehensive that embodies the aspects of the heart, emotion and physical. The success of drug rehabilitation through a religious approach depends on the extent of individuals holding, practicing and religious beliefs as a guide for survival to achieve happiness in the world and in the hereafter. Islam encourages taking the cause of musabbab for the recovery together with the healing of faith is coming from God.

Keywords : Islamic approach, Drug abuse, Recovery of addiction, and rehabilitation

ISSN 2599-123X ©Production and hosting by IAI Al-Mawaddah Warrahmah Kolaka

DOI: 10.5281/zenodo.1324986

PENDAHULUAN

Rawatan Melalui Pendekatan Islam

Untuk merawat dan memulihkan penagihan dadah di kalangan penagih, di dalam Islam, tidak disebut secara khusus cara perubatan dan pemulihannya. Dalam al-Quran dan al-Sunnah serta kitab-kitab perubatan Islam yang ditulis oleh ulama, ada kaedah perubatan yang disebut secara khusus penyakit dan ubatnya tetapi kebanyakan cara perubatan disebut secara umum supaya manusia boleh berfikir dan memperkembangkan kaedah perubatan berdasarkan prinsip-prinsip umum yang ditetapkan dalam Islam. Hal ini kerana mengenai ilmu perubatan, manusia boleh berfikir, membuat eksperimen secara saintifik untuk mencari ubat untuk penyakit-penyakit.

Persoalan adakah penyakit ini boleh diubati dan dipulihkan. Jawapannya ialah ya. Hal ini kerana terdapat hadis yang mengatakan bahawa setiap penyakit ada ubatnya. Pada pandangan Islam kita disuruh berusaha berubat, Allah yang menyembuhkan. Inilah pegangan akidah *Ahli Sunnah wa al-Jama'ah*. Pencegahan dan pemulihan dadah bergantung kepada beberapa faktor: (1).orang yang merawat. (2). cara rawatan (3). diri yang dirawat (4). persekitaran/masyarakat (5). agama (6). tempoh dan (7). tempat

Dalam hal ini, faktor diri yang dirawat dan pegangan agama adalah dua faktor yang paling dominan yang menentukan penyembuhan penagih disamping faktor-faktor lain yang merupakan faktor sokongan. Pegangan agama merupakan elemen keyakinan dan merupakan paksi serta dasar utama kepada kekuatan pemulihan dan penyembuhan daripada setiap penyakit. Kekuatan keimanan kepada Allah tidak menafikan penggunaan ubat-ubatan moden, tradisional dan doa. Dalam akidah Islam, umat Islam disuruh untuk beramal dengan sebab-musabab seperti mengambil ubat-ubatan untuk sembuh penyakit tetapi dilarang bergantung kepada penggunaan ubat-ubatan tersebut semata-mata sebagai bahan penyembuh secara mutlak.

Kuasa penyembuhan secara mutlak adalah datang daripada Allah. Kepercayaan bahawa Allah yang menyembuhkan penyakit adalah terletak di dalam lubuk hati. Justeru itu akidah Islam samasekali tidak bertentangan dengan sains moden. Secara zahirnya umat islam berusaha mengenalpasti punca-punca penyakit dan mencari preskripsi yang sesuai dan secara batinnya didalam hati tersemat kepercayaan tiada kuasa yang menyembuhkan penyakit melainkan dengan izin dan kurnian Allah . Hal ini jelas dalam al-Quran bahawa Allah menyembuhkan penyakit. Allah berfirman dalam al-Quran:

وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ

“Dan apabila aku sakit, maka Dialah (Allah) yang menyembuhkan penyakitku” (al-Shu’ara: 80)

Kepercayaan tersebut tidak akan melemahkan minda umat islam untuk berusaha mencari dan menyelidiki ubat-ubatan sesuai dengan penyakit. Kesemua itu, penyakit dan ubat-ubatan adalah ciptaan Allah untuk menguji manusia adakah mereka sedar di sebalik kejadian penyakit ada ubat-ubatan yang dijadikan oleh Pencipta yang Bijaksana serta ada hikmah tersurat dan tersirat yang membuatkan mereka akan ingat dan sedar kekuasaan Allah.

Kaedah rawatan dalam Islam merangkumi dua kaedah utama iaitu: (1) Kaedah pencegahan, (2) kaedah pemulihan. Sebagai contoh, Ibn Qayyim (1993) dalam kitab al-Tibb al-Nabawi mengatakan bahawa kaedah penjagaan kesihatan badan melalui tiga perkara:

- a) Menjaga kesihatan. Contoh berpuasa, kalau sakit diharuskan berbuka kerana menjaga kesihatan dan meguatkan badan
- b) Mencegah/ menjauhi daripada benda-benda yang menyakiti. Pencegahan seperti bertayammum bagi orang sakit yang yang tidak boleh terkena air
- c) Mengosongkan atau menyisihkan benda-benda yang merosakkan. Seperti sakit kepala semasa mengerjakan haji, maka harus bagi orang haji jika sakit kepala atau banyak kutu, disebabkan panas dalam kepala diharuskan bercukur untuk mengeluarkan panas dari kepala atau kutu.

Didapati dalam Islam, penagihan dadah dikira penyakit fizikal, mental, emosi dan ruhani. Jadi ia juga merangkumi penggunaan bahan-bahan tabi’, ubat-ubatan moden, doa-doa dari Al-Quran dan al-hadis dan amalan-amalan agama.

Boleh dikatakan bahawa perubatan dalam Islam ialah merangkumi penyembuhan penyakit daripada aspek fizikal, mental, emosi dan ruhani dengan mengambil sebab-sebab yang boleh kepada membawa pemulihan dan penyembuhan melalui penggunaan ubat-ubatan moden dan tradisional yang diharuskan oleh syarak, doa-doa yang dipetik dari al-Quran dan al-Sunnah serta amalan-amalan agama yang berpaksikan akidah tawhid di mana manusia wajib berusaha

Muhammad Khairi Mahyuddin. Pendekatan Islam dalam Rawatan...

dan beriktikar ,Allah yang menyembuhkan. Mengambil sebab-sebab seperti ubat-ubatan untuk penyembuhan adalah dari ketentuan dan sunah al-Allah.

PEMBAHASAN

Penggunaan (Ruqyah) Dalam Islam

Ruqyah dalam Islam berupa bacaan doa-doa terpilih yang dipetik dari al-Quran dan al-Sunnah serta pengalaman ulama solihin yang berbentuk permohonan dan perlindungan kepada Allah untuk sembuh dari penyakit dan menjauhi daripadanya.

Menurut Ibu Hajar, para ulama mengharuskan penggunaan bacaan doa dengan beberapa syarat (al-Nasimi,1987):

- a) Doa-doa tersebut mestilah menyebut Kalam Allah atau Nama-NamaNya yang mulia dan Sifat-SifatNya samada dipetik dari al-Quran atau al-Sunnah)
- b) Doa-doa dengan lafaz bahasa Arab yang difahami atau dalam bahasa lain dan difahami maknanya (tidak mengandungi makna-makna syirik).
- c) Hendaklah beriktikad bahawa bacaan-bacaan tadi tidak boleh memberi kesan dengan sendirinya melainkan daripada Allah, kuasa Penyembuh segala penyakit.

Menurut Ibnu Qayyim al-Jawzi, gabungan penggunaan bahan-bahan ubatan yang berbentuk material dan ruhani seperti doa adalah baik dan menyeluruh. Gabungan tersebut menghasilkan natijah seperti berikut (al-Nasimi, 1987);

- a) Memperingati pesakit bahawa Allah Pencipta setiap penyakit dan ubatnya.
- b) Penggantungan harapan, keredaan dan kesabaran kepada Allah sebagai Penyembuh yang berkuasa
- c) Menghilangkan was-was dan ketakutan dan percaya dengan kekuasaan Allah.
- d) Menenangkan hati dan memantapkan hubungan ruhani kepada Allah serta dapat menguatkan imannya melalui cubaan sakit.
- e) Apabila ruhani kuat, maka badan pun sihat serta berupaya melawan penyakit dan sembuh daripada penyakit dengan izin Allah.

Diantara cara-cara pemulihan yang boleh dilakukan ialah:

Dikuarantine

Penagih dadah mestilah dikuarantine terlebih dahulu di satu tempat yang khusus untuk memudahkan proses pemulihan dan pembuangan sisa racun dadah didalam diri. Sebab itulah penagih ditempatkan dalam pusat-pusat pemulihan di tempat-tempat tertentu supaya proses dan aktiviti-aktiviti pemulihan dapat dijalankan dengan baik. Amalan ini tidak mendiskriminasikan mereka kerana mereka boleh dikategorikan sebagai pesakit yang memerlukan rawatan pemulihan serta bimbingan.

Mandi dengan air yang sejuk

Oleh kerana penagihan dadah melibatkan kehilangan akal untuk tempoh-tempoh tertentu dan melemahkan badan, eloklah dia dimandikan untuk menyegarkan badan dan menyucikan kotaran yang ada dibadannya. Eloklah ketika dimandikan dibacakan ayat-ayat al-Qur'an sebagai doa seperti ayat al-shifa' supaya dengan berkat ayat tadi dapat menyegarkan badan, minda dan ruhani penagih. Kemungkinan semasa ia hilang akal, ia sedang berada dalam hadas besar tanpa disedarinya. Dalam hal ini Allah berfirman:

ارْكُضْ بِرِجْلِكَ هَذَا مُغْتَسَلٌ بَارِدٌ وَشَرَابٌ

“Hentakkanlah (bumi) dengan kakimu (setelah dia melakukannya maka terpancarlah air, lalu Kami berfirman kepadanya): Ini ialah air sejuk untuk mandi dan untuk minum (bagi menyembuhkan penyakitmu zahir dan batin)”. (Sad: 42)

Mengajar bertaubat.

Bertaubat bermakna kembali kembali kepada ajaran agama dan meninggalkan segala amalan yang bercanggah dengan agama. Menurut Mahmud Nazim al-Nasimi (1987), jika individu gagal meninggalkan dadah secara sepenuhnya samaada secara segera atau mengejut dan sekiranya ditinggalkan dadah akan menyebabkan berlaku mudarat seperti mati atau gila, dia mesti meninggalkan dadah secara berperingkat-peringkat sehingga hilang ketagihannya dengan sentiasa berniat didalam hati mahu meninggalkan. Ini bertepatan dengan firman Allah:

وَاسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ إِنَّ رَبِّي رَحِيمٌ وَدُودٌ

“Dan mintalah ampun kepada Tuhan kamu, kemudian kembalilah taat kepadaNya. Sesungguhnya Tuhanku Maha Mengasihani, lagi Maha Pengasih” (Hud: 90)

Penanaman asas-asas ilmu Aqi'dah, Shari'ah dan Tasawwuf.

Pengajaran semua ilmu akidah penting agar penagih dapat mengenal diri dan fungsi serta tanggungjawab kepada Allah dan sesama manusia. Kekuatan akidah mampu menjadi benteng menahan diri daripada perkara-perkara yang dilarang oleh agama. Manakala Shari'ah pula ialah cara-cara melaksanakan tuntutan agama dan ibadah dengan betul mengikut sumber Islam. Manakala tasawuf mengajar cara-cara mengawal emosi, dan jiwa serta penanaman sifat-sifat mahmudah dan menyucikan diri dari sifat-sifat mazmumah.

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

“Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan”. (al-Mujadalah: 11)

Solat dan Qiyamullail

Dalam sebuah hadis ada yang mengatakan bahawa sesungguhnya didalam solat itu terdapat satu penyembuhan. Kegiatan fizikal seperti berdiri, rukuk dan sujud, dan akal seperti konsentrasi pada bacaan solat dan emosi seperti takut dan harap boleh memberi kesan kepada jiwa. Manakala Qiyamullail ialah ibadah yang dikerjakan dimalam hari seperti mengerjakan solat-solat sunat seperti tahajud, taubat, istikharah, tasbih, beristiqfar, bacaan al-Quran, muhasabah diri dan lain-lain lagi. Ia boleh dilakukan secara berjamaah bertujuan untuk melatih dan mengajar penagih.

وَمِنَ اللَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهِ نَافِلَةً لَّكَ عَسَىٰ أَنْ يَبْعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَّحْمُودًا

“Dan bangunlah pada sebahagian dari waktu malam serta kerjakanlah sembahyang tahajud padanya, sebagai sembahyang tambahan bagimu; semoga Tuhanmu membangkit dan menempatkanmu pada hari akhirat di tempat yang terpuji”.(al-Isra’:79)

Untuk menghayati ibadah solat dan mendapat khusyuk pada semua anggota badan, maka eloklah diperhatikan saranan Imam al-Ghazzali (1995) mengenai kepentingan amalan-malan ruhani ketika mengerjakan solat yang mesti diamalkan iaitu enam perkara

- Menghadirkan hati (*hudur al-Qalb*). Iaitu kehadiran hati bermula daripada konsentrasi yang penuh dan fokus yang terbit daripada lubuk hati sanubari terhadap

amalan yang dilakukan. Apabila ada tumpuan yang tinggi dan kecenderungan yang kuat, maka ibadah solat akan mudah diamalkan dengan sempurnan segala rukun dan syaratnya.

- Memahami (*al-tafahhum*). Apabila telah wujud kehadiran hati, maka hati akan memahami dan menghayati segala bacaan dan ruh rahsia perlakuan solat kepada Allah sebagai tanda ubudiyah (perhambaan) diri kepada Nya. Kefahaman dalam solat dapat menolak sebarang kekuatiran dan lintasan kelalaian yang cuba menyelina masuk ke dalam hati.
- Mengagungkan (*al-ta'zim*). Perasaan mengagungkan Allah yang bersifat kesempurnaan, kekayaan dan kemuliaan akan menyebabkan orang yang bersolat menyedari hakikat diri dan kelemahan diri supaya tidak membuat sebarang kemaksiatan dengan nikmat yang telah dikurnia keatasnya serta senantiasa bersyukur segala nikmat Allah dan menggunakannya dalam ketaatan.
- Kegerunan dan ketakutan (*al-haybah wa al-khawf*). Perasaan ini timbul selepas mengerti hakikat kekuasaan Allah yang boleh melakukan apa sahaja mengikut kehendakNya. Untuk mendapat keredaanNya, maka orang yang bersolat hendaklah merendah diri dengan manifestasikan ketaatan kepadaNya.
- Pengharapan (*al-raja'*). Sifat ini terbit dari hati yang yakin dengan kemurahan dan belas kasihan Allah yang Maha Kaya yang menerima segala Ibadah manusia walaupun dilakukan dalam keadaan penuh kekurangan. Selain itu, keyakinan dengan kebenaran janjiNya dalam al-Quran bahawa orang yang buat baik akan dibalas baik akan menguatkan tarikkan untuk beramal.
- Malu (*al-haya'*). Sifat malu dengan menyedari kelemahan dan kekurangan manusia dalam melaksanakan hak-hak Allah dengan sempurna akan menjadikan manusia bergantung harap dengan kemurahan dan kekayaan Allah dalam melaksanakan semua perintahNya. Dengan itu, manusia akan megetahui dirinya adalah hamba dan khalifah Allah yang diberi amanah dimuka bumi ini.

Puasa

Selepas mendirikan ibadat solat maka ibadat yang berikutnya ialah berpuasa. Berpuasa bermaksud menahan diri dari makan, minum, jima dan perkara-perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar hingga terbenam matahari. Juga menahan diri dari melakukan perkara–

Muhammad Khairi Mahyuddin. Pendekatan Islam dalam Rawatan...

perkara haram, seperti mengumpat, bercakap bohong. Setiap penyakit datang daripada sumber makanan, dengan berpuasa dapat menghilangkan punca penyakit yang datang daripada makanan yang tidak baik. Dengan berpuasa akan menjadikan penagih itu sihat kembali dan anggota badan dalaman dan luaran akan menjadi cergas semula kerana berpuasa boleh membuang segala toksin-toksin merbahaya didalam badan. Di samping itu, puasa dapat mendidik penagih bersabar dan menahan diri daripada mengambil dadah. Dalam al-Quran, Allah menyebut bahawa kebaikan berpuasa seperti berikut:

وَأَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

“dan berpuasa itu lebih baik bagi kamu kalau kamu mengetahui”.(Al-Baqarah:184)

Untuk menghayati puasa sebenar yang merangkumi puasa secara menyeluruh yang boleh memberi kesan kepada badan, akal dan jiwa serta dapat mencapai darjah taqwa ialah hendaklah beramal kaedah puasa seperti yang dianjurkan oleh Imam al-Ghazzali (1995) yang terdiri dari enam perkara:

- Menjaga dan menahan mata daripada melihat perkara-perkara yang haram serta apa-apa penglihatan yang boleh melalaikan hati daripada Allah seperti melihat dengan penuh shahwat
- Memelihara lisan daripada percakapan bohong, mengumpat, mengadu domba, bertengkar dan lain-lain lagi. Hendaklah banyak berdiam diri dan berzikrullah dan membaca Al-Quran
- Menahan telinga daripada mendengar perkara-perkara yang diharamkan seperti mendengar cerita umpatan dan keburukkan atau aib orang lain
- Menahan anggota-anggota badan yang lain seperti tangan dan kaki daripada maksiat serta perut daripada menelan makanan yang shubhat
- Ketika berbuka puasa janganlah makan dengan melampau sehingga perut berasa sangat kenyang. Hal ini kerana makan dengan kuantiti yang banyak seperti memenuhi kehendak menguatkan nafsu shahwat sedangkan tujuan berpuasa ialah untuk mengawal nafsu untuk tunduk dan mudah mengamalkan shariat Allah.
- Hendaklah ada di dalam hati orang yang berbuka puasa ada perasaan *khawf* (takut) dan *raja'* (harap) semoga puasa dihari tersebut diterima dan digolongkan dikalangan orang-orang soleh.

Berzikir dan berdoa

Berzikir dapat menenangkan hati samada melalui lidah atau dalam hati. Ia merupakan amalan yang mempunyai kesan psikologi yang tinggi dalam membentuk peribadi dan kekuatan hubungan ruhani dengan Allah Ta'ala. Berzikir adalah alat untuk menyucikan hati yang kotor dan tercemar dengan sifat-sifat mazmumah seperti hasad, cinta dunia, khianat dan lain-lain lagi. Kekuatan berzikir dapat menerobus pancaran nur Ilahi ke dalam lubuk hati manusia. Apabila hati mendapat sinaran pertunjuk dan taufik daripada Allah, maka manusia akan menjadi tenang dan cenderung untuk melakukan kebaikan dan amal soleh. Terlalu banyak bentuk zikir yang dianjurkan dalam al-Quran dan al-Sunnah seperti bertasbih, bertahmid, dan tahlil Allah berfirman,

فَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا وَمِنْ آنَاءِ اللَّيْلِ فَسَبِّحْ وَأَطْرَافَ النَّهَارِ لَعَلَّكَ تَرْضَىٰ

“Oleh itu, bersabarlah engkau (wahai Muhammad) akan apa yang mereka katakan dan beribadatlah dengan memuji Tuhanmu sebelum matahari terbit dan sebelum terbenamnya dan beribadatlah pada saat-saat dari waktu malam dan pada sebelah-sebelah siang; supaya engkau reda (dengan mendapat sebaik-baik balasan)”. (Taha:130)

Dalam hadis,

أَفْضَلُ الذِّكْرِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَفْضَلُ الدُّعَاءِ الْحَمْدُ لِلَّهِ

“Sebaik-baik zikir ialah *Lalilallah* dan sebaik-baik doa ialah *Alhamdulillah*”(riwayat al-Tirmizi)

Manakala berdoa ialah tumpuan hati memohon sesuatu atau bantuan untuk kebaikan didunia dan akhirat serta menjahui dari kejahatan dan bisikan syaitan untuk mengulangi amalan-amalan yang dilarang. Selain dari itu, tidak dilupakan untuk berdoa berlindung daripada jatuh ke dalam lembah kekufuran dan kesyirikan yang boleh merosakkan amalan ibadat didunia sebagai orang mukmin seperti dalam hadis Nabi SAW:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْكُفْرِ وَالْفَقْرِ اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ

“Ya Allah, aku pohon perlindungan dengan Mu daripada kufur dan fakir, dan azab kubur, tiada Tuhan selain Engkau” (riwayat Abu Daud)

Makan makanan yang berzat

Pemakanan yang berzat ialah makan yang seimbang dengan buah-buahan, ikan, daging dan lain-lain lagi yang membantu memberi dan menguatkan kesihatan badan penagih. Tidak dapat dinafikan bahawa pemakanan yang sihat dan berzat dapat membentuk keperibadian yang baik dan badan yang cergas.

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاشْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ إِنَّ كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

“Oleh itu, makanlah (wahai orang-orang yang beriman) daripada apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembahNya semata-mata”. (al Nahl:114).

Sebagai contohnya memperbanyakkan makan madu lebah. Madu lebah berguna sebagai minuman untuk menyihatkan badan. Ia berguna untuk menyembuhkan penyakit dan menyihatkan badan. Ia mempunyai faedah seperti memulihkan, menyegarkan dan menambahkan tenaga dalam tubuh, memudahkan proses penghadaman dan lawas buang air, menyembuhkan penyakit dalam perut. Hal ini jelas dalam Al-Quran, Allah berfirman

ثُمَّ كُلِي مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ فَاسْلُكِي سُبُلَ رَبِّكِ ذُلًّا يَخْرُجُ مِنْ بُطُونِهَا شَرَابٌ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ فِيهِ شِفَاءٌ لِلنَّاسِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ (69)

“Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu. (Dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir” (al-Nahl: 69)

Nabi bersabda:

عَلَيْكُمْ بِالشِّفَاءِ عَيْنِ العَسَلِ وَالْقُرْآنِ

“Beramallah kamu dengan dua Penyembuh: Madu lebah dan al-Quran” (riwayat Ibn Majah)

Bersukan

Jurnal Ushuluddin Adab dan Dakwah. Vol 1(1): 51-63.

Aktiviti beriadah penting untuk menyihatkan badan seperti senaman ringan dan gerakan-gerakan badan yang boleh menyihatkan badan seperti berjalan, berlari, berenang, berkawat, berkebun dan sebagainya.. Dengan beriyadah menjadikan akal dan fizikal menjadi sihat dan kuat untuk menjadi benteng dalam dan immuniti menjahui daripada terlibat dengan amalan yang dilarang.

Kaunseling dan nasihat

Ia penting dalam memberi motivasi dan bertukar-tukar pandangan diantara penagih dan perawat. Dalam Islam ia dikenali sebagai al-nasihat kerana perkataan kaunseling yang diambil daripada perkataan Inggeris mempunyai banyak makna yang dekat dengan aktiviti bimbingan dan nasihat. Dalam aktiviti kaunseling, penagih dapat bertukar-tukar pandangan, mendapat informasi dan kaedah-kaedah pembentukan dan jati diri.

إِنَّمَا الدِّينُ النَّصِيحَةُ

Sesungguhnya agama itu nasihat (riwayat al-Nasai)

Apabila wujudnya intrepersonal komunikasi dikalangan kaunselor atau pembimbing dengan penagih, dapat memberi kekuatan jiwa , semangat dan kenyakian untuk penagih melakukan perubahan. Apabila segala perasaan dan masalah masalah yang terpendalam dalam hati penagih dapat diluahkan dalam sesi kaunseling, maka pembimbing dapat mengisi jiwa yang kosong tadi dengan nasihat sehinga menjadi modal untuk penagih berubah.

Kerja-kerja pertukangan dan bengkel

Program ini penting untuk memberi kemahiran hidup dan penjanaan ekonomi tanpa mengharapkan belas kasihan atau penggantungan kepada orang lain seperti pertukangan, keusahawanan, pertanian sebagai bekalan hidup sesudah keluar dari pusat pemulihan. Sesungguhnya kurniaan Allah Ta'ala sangat banyak selagi nyawa dikandung badan. Penagih mesti yakin bahawa Allah menjadi rezki setiap hambaNya dengan syarat mahu berubah sikap dan berusaha bersungguh-sungguh serta yakin Allah akan membantu setiap usahanya. Dalam hal ini Allah menyebut dalam al-Quran kurnianNya dan setiap makhluk yang ada di muka bumi ini yang dicipta oleh Allah adalah untuk manusia meneruskan kehidupan mereka dan memebantu dala melaksanakan ibadah kepadaNya.

Muhammad Khairi Mahyuddin. Pendekatan Islam dalam Rawatan...

اللَّهُ الَّذِي سَخَّرَ لَكُمُ الْبَحْرَ لِتَجْرِيَ الْفُلُكُ فِيهِ بِأَمْرِهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ (12) وَسَخَّرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِنْهُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ (13)

Allah yang memudahkan laut bagi kegunaan kamu, supaya kapal-kapal belayar padanya dengan perintahNya dan supaya kamu mencari rezeki dari limpah kurniaNya dan juga supaya kamu bersyukur. Dan Dia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadaNya; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaanNya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti (al-Jasiah,12-13)

Aktiviti masyarakat dan ziarah

Penagih boleh diajak mengikuti program-program kemasyarakatan seperti bantuan kecemasan, malapetaka, sahabat kaunseling bagi penagih baru, gotong royong, kenduri kendara dan juga program ziarah ketempat-tempat sejarah, institusi pemulihan yang lain, dan tempat-tempat latihan industri agar minda mereka terbuka, dapat mengambil pengajaran dan iktibar dan dapat merancang kehidupan seterusnya. Aktiviti seumpama ini memang diajar oleh al-Quran. Allah berfirman,

أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُمْ مِنَ الْقُرُونِ أَنَّهُمْ إِلَيْهِمْ لَا يَرْجِعُونَ (31)

Tidakkah mereka mengetahui berapa banyak umat-umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka? Umat-umat yang telah binasa itu tidak kembali lagi kepada mereka (bahkan kembali kepada Kami, untuk menerima balasan) (Yasin ,31).

KESIMPULAN

Pendekatan agama masih wajar untuk merawat penagihan dadah. Pemulihan berorientasi agama banyak menyentuh mengenai persoalan asas iaitu ketuhanan dan memperbaiki akhlak sebagai modal utama dalam usaha menjayakan rawatan pemulihan dadah. Kejayaan kepulihan dadah melalui pendekatan agama bergantung kepada sejauhmana individu berpegang, beramal dan menyakini agama sebagai pedoman hidup untuk mencapai kebahagiaan didunia dan diakhirat. Islam menganjurkan mengambil sebab musabbab untuk kepulihan berserta iktikad penyembuhan adalah datang dari Allah

DAFTAR PUSTAKA

Al-Quran al-Karim

Al-Ghazzali, Abu Hamid Muhammad bin Mahammad. 1995. Ihya' 'ulm al-Din. Bayrut: Darul-Fikr.

Ibn Qayyim al-Jawzi.1993. Al-Tibb al-Nabawi.Beirut: Manshurat dar al-Mkatabah al-Hayat

Al-Nasimi, Mahmud Nazim.1987. Al-Tibb al-Nabawi wa al-Ilm al-Hadith. Bayrut: Mu'asasat al-Risalah